

03/02/1999

Johor rayu usah tangguh bina lebuhraya

JOHOR BAHRU, Selasa - Johor akan merayu Kerajaan Pusat supaya tidak menangguhkan pembinaan lebuhraya termasuk yang sudah diluluskan Kabinet bagi keperluan rakyat negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Zainalabidin Mohamed Zin, berkata kerajaan tetap berusaha memastikan pembinaan tiga lebuhraya termasuk yang menghubungkan bahagian barat dan timur negeri ini boleh diberikan sedikit kelonggaran.

"Ini berdasarkan desakan orang ramai di tempat (pembinaan lebuhraya) terbabit yang sudah lama menunggu kemudahan berkenaan.

"Walaupun kita memahami masalah kerajaan Pusat berkaitan lebuhraya baru yang dikenakan pembayaran tol mendapat bantahan pelbagai pihak, namun kerajaan yakin rakyat di sini mempunyai pilihan.

"Ini berdasarkan pembinaan beberapa lebuhraya di negeri ini mempunyai jalan alternatif sedia ada. Mereka yang berkemampuan, boleh menggunakan lebuhraya bertol tanpa sebarang masalah," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tetap tidak akan mengubah keputusan menangguhkan semua pembinaan lebuhraya baru sehingga rakyat sanggup membayar tol.

Di Johor, antara pembinaan lebuhraya yang perlu diteruskan atas dasar keperluan rakyat ialah Lebuhraya Segamat-Muar merangkumi pembinaan jambatan kedua Muar, Lebuhraya Johor Bahru-Pasir Gudang serta Lebuhraya Senai-Kong Kong (di barat Johor) dengan Desaru (di timur Johor).

(END)